

15 NOV 2003

Chong-LDP/I

"PENYANGAK POLITIK" CUBA MUSNAHKAN SAYA, KATA CHONG

KOTA KINABALU, 15 Nov (Bernama) -- Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP) Datuk Chong Kah Kiat mendedahkan kewujudan sekumpulan "penyangak" dari luar yang "telah bersumpah untuk memusnahkan kerjaya politik beliau di samping melemahkan parti dan kepimpinannya."

Beliau berkata sebahagian dari kempen kumpulan berkenaan membabitkan pengedaran risalah, surat layang, dan masyarakat amat menyedari "siapakah dalang kempen yang kotor itu."

"Meskipun kita membenci risalah seperti ini, saya menggesa anggota-anggota LDP agar mengabaikannya dan bertenang. Jangan terlalu mudah dihasut kerana saya menjangkakan lebih banyak yang akan dikeluarkan oleh kumpulan itu berikutan pilihan raya umum semakin hampir.

"Memandangkan laporan polis telah dibuat, biarlah sahaja pihak berkuasa menyiasatnya. Jika kita bertindak balas, kita juga sama sahaja seperti mereka. LDP tidak pernah membabitkan diri dalam aktiviti seumpama itu," katanya dalam ucapan pada kongres ke-14 parti itu hari ini, yang dirasmikan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman.

Chong berkata LDP merupakan parti tempatan pertama yang berganding tangan dengan Umno untuk membentuk Barisan Nasional (BN) di negeri ini dan berhadapan banyak cabaran.

"Kami bangga dengan perjuangan bersatu kami. Sejak 14 tahun lepas, kami kini menjadi semakin matang. Kami tidak pernah kehilangan kematangan kami atau berkelakuan tidak sopan.

Beliau berkata perpaduan di kalangan BN seharusnya merupakan keutamaan parti berkenaan dan salah satu teras objektifnya.

"LDP dikenali sebagai parti yang tidak begitu menonjol di negeri ini. Bagaimanapun, ini tidak bermakna kami merupakan parti komponen BN negeri yang lemah dan mudah ditakutkan serta ditewaskan.

Mengenai pilihan raya yang akan datang, Chong berkata "tidak ada mana-mana anggota yang perlu cuba mensabotaj peluang mana-mana calon BN."

"BN mesti mencatatkan kemenangan besar dan semua kerusi yang dimenangi itu merupakan hadiah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Musa.

Kemenangan seperti itu juga merupakan penghargaan yang amat bermakna kepada Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap perkhidmatannya kepada Sabah dan negara keseluruhannya," katanya.

-- BERNAMA

NT ROS